

07 AUG 2002

Syed Hamid-Kritik

TIADA NEGARA LAYAN PEKERJA ASING SEBAIK MALAYSIA, KATA SYED HAMID

Oleh: Mohd Kamel Othman

DENPASAR (BALI), 7 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata beliau tidak faham kenapa Malaysia dikecam oleh media dan organisasi buruh di Indonesia berikutan langkah tegas Malaysia menangani masalah pekerja tanpa izin dari republik ini.

"Malaysia cukup adil dan saksama dalam melayani pekerja-pekerja asing dan tidak ada negara yang melayani pekerja asing sebaik Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Ketika diminta mengulas laporan media Indonesia yang mempertikaikan tindakan Malaysia menghantar pulang pekerja rakyat Indonesia, Syed hamid berkata Malaysia menerima kemasukan pekerja asing dengan syarat mereka melalui saluran betul serta mempunyai dokumen sah.

Beliau berkata kerajaan Malaysia memberi pelbagai peluang seperti program pemutihan dan pengampunan kepada pekerja asing yang masuk ke Malaysia tanpa melalui saluran yang betul.

"Saya tidak faham ada berita-berita yang begitu sinis dan mengkritik berhubung tindakan Malaysia menghantar pulang pekerja asing sedangkan tindakan kita itu cukup berperikemanusiaan," katanya.

"Kita juga kena menjaga kepentingan rakyat sendiri," katanya.

Ketika ditanya sama ada laporan sedemikian akan menjejaskan hubungan Malaysia-Indonesia, beliau berkata kedua-dua negara mempunyai kaitan yang rapat berikutan kedudukan geo-politik, soal ekonomi serta politik dan lagipun Indonesia adalah negara terbesar dalam Asean.

Menurutnya, apa jua langkah yang diambil terhadap pemulihan ekonomi oleh pemerintah Indonesia akan memanfaatkan Malaysia memandangkan Malaysia adalah pelabur terbesar di republik itu.

Syed Hamid berkata soal pelaburan Malaysia di Indonesia akan dibangkitkan dalam pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri.

"Kita terpaksa bangkitkan kerana kita ada pelaburan lebih RM1 bilion di Indonesia dan ia melibatkan banyak sektor termasuk perladangan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai pertemuan kedua-dua pemimpin itu, Syed Hamid berkata ia lebih merupakan kepada perundingan tahunan untuk menunjukkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia adalah akrab walaupun berlaku pertukaran pemimpin di republik itu.

"Pertukaran pemimpin tidak menjadi perkara yang penting tetapi yang lebih penting ialah pertemuan kali ini untuk menentukan hubungan dua hala dapat diterus dan dipertingkatkan dalam suasana tidak rasmi," katanya.

Apa yang membezakan kali ini ialah kedua-dua pemimpin akan menyaksikan beberapa memorandum persefahaman ditandatangani, katanya.

Memorandum persefahaman yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak ialah soal penghantaran pulang pekerja tanpa izin Indonesia, soal pembangunan keluarga dan wanita serta perjanjian tiga hala membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand mengenai kawalan harga dan pasaran getah.

Semasa di sini, Perdana Menteri akan melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-Indonesia dan Lembaga Persahabatan Malaysia-Indonesia (PERMAI).

Dr Mahathir dan Megawati juga akan melancarkan bersama projek bekalan gas asli dari Pulau Natuna ke Pulau Duyong, Terengganu, melalui saluran paip.

Syed Hamid berkata memorandum persefahaman mengenai penghantaran pulang pekerja tanpa izin perlu bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul ketika mereka dihantar pulang ke Indonesia.

"Kita sudah mempunyai 450,000 pekerja tanpa izin dari Indonesia di Malaysia dan kita harap perjanjian menetapkan kaedah penghantaran pulang termasuk soal kos dan kelancarannya," katanya.

-- BERNAMA

MKO MAM MAI